



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘asirah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘asirah

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum

DISEMBER 2019

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

| | |
|--|------------------------------------|
| Rukun Negara | v |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan | vi |
| Definisi Kurikulum Kebangsaan..... | vii |
| Kata Pengantar | ix |
| Pendahuluan | 1 |
| Latar Belakang | 2 |
| Matlamat..... | 3 |
| Objektif | 3 |
| Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah | 4 |
| Fokus | 5 |
| Kemahiran Abad Ke-21 | 6 |
| Kemahiran Berfikir Aras Tinggi..... | 7 |
| Strategi Pengajaran dan Pembelajaran | 9 |
| Elemen Merentas Kurikulum..... | 12 |
| Pentaksiran Bilik Darjah..... | 15 |
| Organisasi Kandungan | 20 |
| 25..... | المطالعة والتعبير (1) |
| 28..... | معيّار الإنجازات للمطالعة والتعبير |

| | |
|-----------------|--|
| 29 | (2) القواعد العربية |
| 35 | معيار الإنجازات للقواعد العربية |
| 36 | ملحق 1 - قائمة المفردات |
| 41 | ملحق 2 - المرادفات والمضادات |
| 42 | ملحق 3 - الأرقام والأعداد |
| 43 | ملحق 4 - الموضوعات للعبارة المتداولة |
| 44 | ملحق 5 - الموضوعات للمحاور |
| 45 | ملحق 6 - الموضوعات للقواعد العربية |
| 46 | ملحق 7 - الأنشطة فنون تقديم اللغة |
| Panel Penggubal |47 |



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan Standard Prestasi dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. Mohamed bin Abu Bakar
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Bersepadu Dini al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal untuk melahirkan ilmuan Islam dan pelapis generasi ulama. Kurikulum ini dibina berasaskan kemahiran berbahasa dan ilmu bahasa Arab. Perkara ini akan dapat meningkatkan kecekapan dalam interaksi sosial murid serta boleh mengakses maklumat tambahan kepada pengetahuan yang diperlukan.

Untuk mencapai hasrat tersebut, KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah ini memfokuskan kepada penguasaan murid terhadap empat kemahiran berbahasa yang ditekankan di Tingkatan 1 dan 2. Tatabahasa Arab diserap secara tidak langsung dalam pengajaran guru di bilik darjah. Manakala di Tingkatan 3, 4 dan 5, penekanan tatabahasa Arab adalah lebih berfokus. Selain itu, penggunaan templat ayat yang dicadangkan akan memudahkan murid untuk mencapai objektif yang disasarkan dalam kurikulum ini.

Kurikulum ini melibatkan tema-tema pembelajaran bahasa di samping beberapa topik yang terkandung dalam mata pelajaran KSSM Usul al-Din dan al-Syariah. Kandungan dan topik-topik ini dipilih untuk mencapai matlamat penguasaan ilmu secara global bermula di bangku sekolah.

Pelaksanaan kurikulum ini boleh disesuaikan dengan gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang pelbagai. Bagi mencapai hasrat tersebut, teknik pengajaran guru yang berkesan sangat diperlukan untuk membantu murid mengalami pengalaman sebenar pembelajaran bahasa Arab yang menyeronokkan. Amalan *lughatul-fasli* yang berkesan sangat penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran tersebut. Walau bagaimanapun proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah hendaklah menggunakan bahasa Arab *al-Fusha*.

Pentaksiran mata pelajaran ini menggunakan Standard Prestasi (SPi) untuk menentukan tahap penguasaan murid terhadap kemahiran berbahasa yang terdapat dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Pentaksiran boleh dilakukan secara *one-shot* sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sama ada secara formatif atau sumatif. Guru perlu membuat pertimbangan profesional secara holistik dalam menentukan tahap sebenar penguasaan murid.

Dalam melaksanakan PdP, dokumen ini menjadi rujukan utama guru yang melaksanakan kurikulum ini. Semoga apa yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk

melahirkan generasi seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani akan dapat dicapai.

LATAR BELAKANG

Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) dilaksanakan berdasarkan keputusan berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil.3/2012 pada 25 Jun 2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia telah meluluskan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz (KDKT) sebagai Kurikulum Kebangsaan. Mesyuarat juga bersetuju pelaksanaan KDKT sebagai Kurikulum Kebangsaan akan diselia dan dilaksanakan mengikut dasar-dasar pelaksanaan kurikulum sedia ada di KPM dengan persetujuan bersama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) JAKIM.
2. Berdasarkan keputusan JKP itu, BPK dan bahagian lain di KPM bersama LEPAI telah membentuk satu Jawatankuasa Khas KDKT untuk penambahbaikan kurikulum agama sedia ada. Mesyuarat ini turut disertai oleh pakar-pakar pengajian Islam dan bahasa Arab daripada universiti-universiti tempatan yang diketuai oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abd. Majid bagi menyelaras dan merancang waktu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) KDKT yang lebih efektif dan berkesan.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-200 pada 26 Julai 2012 yang dipengerusi oleh Menteri Pendidikan telah bersetuju menjadikan KDKT sebagai Kurikulum Kebangsaan.
4. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali ke-54 pada 3 Disember 2012 yang dipengerusikan Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz sebagai Kurikulum Kebangsaan untuk dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dalam mesyuarat ini nama Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz telah ditukar menjadi Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz.
5. Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali ke-231 pada 27 Februari 2013 juga telah bersetuju mengambil maklum dan memperkenan cadangan menjadikan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan untuk dilaksanakan di SABK.
6. Susulan daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa (Exco) Pendidikan Negeri kali ke-5, bil.1/2013 pada 29 Ogos 2013 yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia telah memaklumkan kepada negeri-negeri mengenai pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz secara berperingkat bermula daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5 mulai tahun 2015.

MATLAMAT

KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah bermatlamat meningkatkan keupayaan murid menggunakan bahasa Arab standard dalam berkomunikasi dan mampu menggunakan pelbagai sumber rujukan dengan betul serta menunjukkan tingkah laku positif dalam pembentukan peribadi individu mithali untuk pembangunan agama, bangsa dan negara.

OBJEKTIF


KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mendengar perkataan, ayat dan perenggan dari pelbagai sumber dan memberi respons yang betul.
2. Mengungkap perkataan, ayat dan perenggan dalam pelbagai situasi dengan betul.
3. Membaca perkataan, ayat dan perenggan dari pelbagai sumber dengan betul.
4. Menulis perkataan, ayat dan perenggan dalam pelbagai bentuk dan situasi dengan betul.
5. Menulis khat *nasakh*, *ruq'ah* dan *thuluth* dengan kaedah yang betul dan kemas.
6. Mengaplikasi tatabahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan dengan betul.
7. Menggunakan kosa kata terpilih dalam pelbagai situasi dengan betul.
8. Berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lancar dan betul serta beradab.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan

pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah berfokus kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang merentasi domain pembelajaran bahasa seperti individu, sosial dan pendidikan serta tajuk-tajuk yang terkandung dalam KSSM Usul al-Din dan al-Syariah. Penekanan diberikan kepada penggunaan bahasa dalam pertuturan dan penulisan yang betul sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Pembelajaran al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah di Tingkatan 1 dan 2 berfokus kepada empat kemahiran asas bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Manakala aspek tatabahasa pula diajar secara implisit dengan lebih menekankan aspek aplikasi dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan melalui penggunaan templat ayat yang dicadangkan.

Penekanan di Tingkatan 3, 4 dan 5 pula adalah kepada aktiviti pemahaman teks Arab dan tatabahasa Arab secara eksplisit. Aktiviti ini dilaksanakan melalui kemahiran berbahasa yang empat agar matlamat untuk murid dapat berkomunikasi dengan betul dan lancar secara lisan dan penulisan boleh dicapai. Jadual 1 berikut menerangkan perkara tersebut;

Jadual 1: Fokus KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah

| Tingkatan 1 dan 2 | Tingkatan 3, 4 dan 5 |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran mendengar • Kemahiran bertutur • Kemahiran membaca • Kemahiran menulis | <ul style="list-style-type: none"> • Pemahaman Teks Arab • Tatabahasa Arab |

Mata pelajaran ini turut memberi fokus kepada aktiviti KBAT yang dilaksanakan dengan cara yang menarik dan menyeronokkan serta berpusatkan murid. Selain itu, penerapan elemen-elemen merentas kurikulum seperti kreativiti dan inovasi, keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi turut dititik beratkan. Kesemua elemen ini dinyatakan dengan jelas dalam pernyataan SK, SP dan SPI.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 2 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Bahasa Arab menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 2: Profil Murid

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---------------------|---|
| Berdaya Tahan | Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati. |
| Mahir Berkomunikasi | Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---------------------|--|
| Pemikir | Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu. |
| Kerja Sepasukan | Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik. |
| Bersifat Ingin Tahu | Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---------------------|--|
| Berprinsip | Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka. |
| Bermaklumat | Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh. |
| Penyayang/ Prihatin | Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar. |
| Patriotik | Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara. |

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 3.

Jadual 3: Tahap pemikiran dalam KBAT

| TAHAP PEMIKIRAN | PENERANGAN |
|---------------------|--|
| Mengaplikasi | Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| Menganalisis | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| Menilai | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi. |
| Mencipta | Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. |

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Penggunaan pelbagai strategi PdP yang menekankan pembelajaran secara *learning by doing* merupakan salah satu usaha dalam transformasi pendidikan. Dalam konteks pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab sebagai bahasa asing dan bahasa tambahan kepada murid-murid di Malaysia, pendekatan yang menarik dan berkesan harus menjadi perkara utama dalam proses pembelajaran murid. Justeru strategi pengajaran berpusatkan murid memainkan peranan yang sangat penting. Strategi ini akan menjadikan murid aktif dalam aktiviti pembelajaran di samping guru yang menjadi pembimbing mereka.

Pembelajaran Berpusatkan Murid

Strategi pembelajaran berpusatkan murid merupakan aktiviti yang melibatkan komunikasi dua hala sama ada di antara guru dan murid mahupun sesama murid. Melalui strategi ini, aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih berfokus kepada hasil pembelajaran dan pencapaian murid. Strategi ini juga seiring dengan strategi pembelajaran mastery yang menekankan penguasaan murid terhadap objektif pembelajaran yang digariskan. Murid diberi peluang yang luas sepanjang pembelajaran untuk memperlihatkan kemampuan mereka. Justeru aktiviti penilaian, pemulihan dan pengayaan perlu diberi perhatian yang sebaiknya oleh guru terhadap murid.

Pelbagai aktiviti pengajaran berpusatkan murid boleh dilaksanakan seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran koperatif, sumbang saran, simulasi, tunjuk cara (demonstrasi), permainan, projek dan lawatan.

Kepelbagaian Teknik Pengajaran

Guru seharusnya mempelbagaikan teknik pengajaran mereka dalam pengajaran Bahasa Arab mengikut kesesuaian dan keupayaan murid. Antara teknik yang boleh digunakan oleh guru seperti perbincangan, lakonan, permainan, syarahan, inkuiri, induktif, deduktif dan lain-lain lagi. Pembelajaran berkesan akan terhasil melalui teknik pengajaran yang sesuai dengan disokong oleh penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang menjadikan murid lebih seronok dan minat. Seterusnya murid akan mampu mengemukakan idea-idea kritis dan kreatif dalam komunikasi mereka secara terbimbing.

Kepelbagaian Sumber

Penggunaan bahan sumber yang pelbagai seperti buku-buku, majalah, akhbar, kamus, artikel yang terdapat di perpustakaan sekolah sangat penting sebagai bahan sokongan dan bacaan lanjutan murid. Selain itu, pembelajaran melalui internet juga akan memberi impak positif ke arah penguasaan kemahiran berbahasa.

Murid akan mendapat maklumat tambahan melalui akses sendiri daripada bahan-bahan tersebut yang akan meningkatkan kemahiran berfikir di samping memupuk sikap suka membaca dan membentuk peribadi cemerlang.

Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tema

PdP berasaskan tema merupakan perkara asas dalam pembelajaran bahasa. Melalui teknik ini, guru mampu mengaitkan kemahiran berbahasa, tatabahasa dan unsur-unsur bahasa dalam tajuk-tajuk yang telah ditentukan. Seterusnya guru dan murid mampu mengaitkan kandungan mata pelajaran Bahasa Arab dengan mata pelajaran yang lain secara tidak langsung.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Strategi ini merupakan pendekatan pembelajaran yang melibatkan proses meneroka alam semula jadi dan berasaskan lima fasa:

1. Menyoal;
2. Memeriksa atau menyelidik;
3. Mereka cipta;
4. Membincangkan; dan
5. Membuat refleksi.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Objektif utama pelaksanaan projek adalah untuk pemerolehan pengetahuan yang baharu atau penggunaan pengetahuan sedia ada. Penerangan tentang tugas secara terperinci dan berulang kali serta jelas bagi setiap peranan dan tanggungjawab mereka adalah sangat penting untuk mencapai objektif pembelajaran mereka melalui kerja projek ini.

Pembelajaran Kooperatif

Strategi ini memerlukan kerjasama murid yang mempunyai pelbagai kebolehan untuk mencapai satu matlamat yang sama dalam bentuk kumpulan. Peranan setiap ahli diperlukan untuk menunjukkan kefahaman mereka melalui agihan tugas yang diberikan. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada gerak kerja berkumpulan ini akan mendorong murid untuk saling berkongsi maklumat bagi mencapai objektif pembelajaran. Contoh aktiviti pembelajaran kooperatif *Student Team Achievement Division, Jigsaw, Round Robin, Round Table, Team Game Tournament, Team Accelerated Instruction* dan *Tea Party*.

Sumbang Saran

Tujuan strategi sumbang saran dilakukan adalah untuk menggalakkan pemikiran murid secara imaginasi dan kreatif. Murid digarap untuk memberi sumbangan idea dalam bentuk jawapan,

kesimpulan, fakta dan penerangan. Secara amnya, sumbang saran meliputi aktiviti yang sarat dengan idea murid, kepelbagaian idea, idea spontan mahupun perkembangan idea dari murid lain. Selain itu, murid juga tidak digalakkan untuk mengkritik idea rakan yang lain.

Simulasi

Simulasi boleh dilakukan dengan cuba mewujudkan situasi sebenar bagi sesuatu topik. Simulasi mesti dilakukan dalam keadaan terkawal melalui sosiodrama yang mengandungi skrip dan konflik, mahupun main peranan seperti lakonan spontan.

Tunjuk Cara

Strategi tunjuk cara boleh dilakukan melalui peranan guru sebagai pelaku yang boleh diperhatikan oleh murid untuk diikuti. Selain guru, murid-murid terpilih juga boleh berperanan sebagai penunjuk cara.

Permainan

Strategi ini merupakan strategi yang paling diminati oleh murid. Kanak-kanak akan memperoleh pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu dengan minat, tujuan dan faedah mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti ini merupakan aktiviti sokongan yang mampu menjadikan murid lebih mengingati apa yang telah dipelajari. Selain itu, aktiviti ini juga boleh menghindarkan perasaan bosan murid selama belajar di dalam bilik darjah.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pendekatan konstruktivisme merupakan proses pembelajaran murid yang menyokong pembelajaran sendiri. Pengetahuan yang diperolehi oleh murid perlu disusun dan dikembangkan secara aktif oleh murid itu sendiri. Murid akan menggunakan pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual adalah konsep belajar yang diwujudkan oleh guru untuk murid mampu mengaitkan pengetahuan dan kandungan pelajaran dengan kehidupan mereka seharian. Melalui pendekatan ini, murid lebih cenderung untuk berkongsi maklumat sedia ada dengan kandungan pelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan mereka.

Kajian Masa Depan

Pengetahuan sedia ada murid boleh digunakan untuk mereka menjangka sesuatu yang akan berlaku pada masa hadapan. Melalui strategi ini, murid akan digalakkan untuk menggunakan imaginasi mereka dan berkongsi dengan rakan-rakan yang lain. Murid akan menggunakan kemahiran berfikir yang tinggi untuk berkongsi idea dan pandangan mereka.

Aktiviti Pemulihan

Guru mestilah melaksanakan aktiviti pemulihan terhadap murid-murid yang belum mencapai tahap yang ditetapkan. Contohnya dengan melaksanakan aktiviti tambahan untuk meningkatkan kecekapan murid.

Aktiviti Pengayaan

Keupayaan dan kemampuan murid adalah berbeza-beza. Guru boleh menyediakan aktiviti tambahan kepada murid yang telah mencapai sasaran agar pengetahuan mereka perolehi boleh dikembangkan lagi ke tahap yang lebih tinggi. Murid boleh menggunakan pengetahuan sedia ada mereka untuk melakukan aktiviti tambahan melalui bimbingan guru.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan

- Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang

yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompoun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PBD perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PBD akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif.

Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PBD, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP. PBD berperanan mengukuhkan pembelajaran murid serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam satu-satu proses PdP.

PBD amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PBD merupakan aktiviti yang berterusan yang memerlukan komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembang potensi setiap murid ke tahap maksimum.

Ciri-ciri Pentaksiran Bilik Darjah

PBD mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP.
3. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Berasaskan standard kurikulum.
5. Pelaksanaan pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP dan pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Standard Prestasi

Standard Prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan

menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik PBD sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap penguasaan keseluruhan perlu ditentukan bagi memberi satu nilai tahap penguasaan murid di akhir sesi persekolahan. Tahap penguasaan keseluruhan ini merangkumi domain kognitif, afektif dan psikomotor murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran murid secara berterusan melalui pelbagai kaedah. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk memberi satu nilai tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman guru bersama murid, kebijaksanaan serta melalui perbincangan rakan sejawat. Tahap penguasaan diberi selepas murid mempelajari standard-standard yang terdapat dalam kelompok Standard Kandungan seperti Jadual 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 berikut:

Jadual 4: Tahap Penguasaan Umum

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|------------------|---|
| 1 | Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas. |
| 2 | Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi. |
| 3 | Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi. |
| 4 | Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik. |
| 5 | Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekak dan bersikap positif. |
| 6 | Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi. |

Jadual 5: Tahap Penguasaan Umum KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah.

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|------------------|---|
| 1 | Murid mampu menguasai Standard Kandungan Kemahiran Membaca, Ungkapan Lisan dan Penulisan, al-Balaghah dan al-Qawaid al-Arabiah dengan bantuan guru. |
| 2 | Murid mampu menguasai Standard Kandungan Kemahiran Membaca, Ungkapan Lisan dan Penulisan, al-Balaghah dan al-Qawaid al-Arabiah secara sedar. |
| 3 | Murid mampu menguasai Standard Kandungan Kemahiran Membaca, Ungkapan Lisan dan Penulisan, al-Balaghah dan al-Qawaid al-Arabiah secara responsif. |
| 4 | Murid mampu menguasai Standard Kandungan Kemahiran Membaca, Ungkapan Lisan dan Penulisan, al-Balaghah dan al-Qawaid al-Arabiah secara responsif dan sistematik. |
| 5 | Murid mampu menguasai Standard Kandungan Kemahiran Membaca, Ungkapan Lisan dan Penulisan, al-Balaghah dan al-Qawaid al-Arabiah secara responsif, sistematik dan tekak. |
| 6 | Murid mampu menguasai Standard Kandungan Kemahiran Membaca, Ungkapan Lisan dan Penulisan, al-Balaghah dan al-Qawaid al-Arabiah secara responsif, sistematik, tekak dan boleh dicontohi. |

Jadual 6: Tahap Penguasaan untuk Kemahiran Membaca KSSM al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah.

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|------------------|---|
| 1 | Murid mampu membaca teks dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul melalui bantuan guru. |
| 2 | Murid mampu membaca teks dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara sedar. |
| 3 | Murid mampu membaca teks dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif. |
| 4 | Murid mampu membaca teks dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif dan sistematik. |
| 5 | Murid mampu membaca teks dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif, sistematik dan tekal. |
| 6 | Murid mampu membaca teks dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif, sistematik, tekal dan boleh dicontohi. |

Jadual 7: Tahap Penguasaan untuk Ungkapan Lisan al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah.

| TAHAP PENGUASAAN | TAFSIRAN |
|------------------|---|
| 1 | Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul melalui bantuan guru. |
| 2 | Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara sedar. |
| 3 | Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif. |
| 4 | Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif dan sistematik. |
| 5 | Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif, sistematik dan tekal. |
| 6 | Murid mampu menyebut ungkapan dan ayat dengan fasih dan lancar bersama sebutan dan intonasi yang betul secara responsif, sistematik, tekal dan boleh dicontohi. |

